

# **ANALISIS FONOLOGI AUTOSEGMENTAL DALAM PROSES PENYEBARAN FITUR GELUNCURAN DIALEK MELAYU SARIBAS**

*Noor Azureen Hamid @ Ahmed*  
[naha\\_azureen@yahoo.com](mailto:naha_azureen@yahoo.com)

*Tajul Aripin Kassin*  
[tajul@usm.my](mailto:tajul@usm.my)

Pusat Pengajian Ilmu Sains Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

## **Abstrak**

Kajian ini menganalisis dan menghuraikan penyebaran fitur dalam fonologi dialek Melayu Saribas (DMSbs) dengan mengkhususkan pembentukan geluncuran pada urutan vokal dan kata yang dihadiri oleh konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata dengan memberikan penjelasan secara teoretis berlandaskan teori autosegmental (Goldsmith, 1976, 1990). Data DMSbs memperlihatkan bahawa proses penyebaran fitur antara segmen dengan segmen bersebelahan dengan mengambil fitur daripada segmen berdekatan supaya menyerupai segmen tersebut. Setiap segmen memiliki titik artikulasi dan fitur distingtif tersendiri yang boleh tersebar kepada penggalan bersebelahan dan menyebabkan segmen bersebelahan berkongsi titik artikulasi yang sama. Proses pembentukan geluncuran dalam DMSbs berlaku selepas proses penyisipan vokal rendah [a] secara default apabila vokal tinggi /i/ dan /u/ mendahului konsonan likuida dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata yang menghasilkan pembentukan urutan vokal, seterusnya mencetuskan proses penyebaran geluncuran daripada vokal tinggi. Proses penyebaran fitur ini menggambarkan kecenderungan segmen

## JURNAL BAHASA

untuk menguasai segmen bersebelahan dengan menyebarkan fiturnya dan membentuk segmen yang mempunyai identiti yang serupa dengannya.

Kata kunci: penyebaran fitur, autosegmental, urutan vokal, geluncuran

### *Abstract*

*This study aims to analyse the feature distribution process in the Saribas Malay phonology dialect (SMPD), especially in occurring of glide formation in the vowel sequences when liquids /l,r/ and velar nasal /ŋ/ are in the final position of a word based on autosegmental theory (Goldsmith, 1976, 1990). SMPD data shows that the feature distribution process between segments by taking their features from adjacent segments that resemble the segment. Each segment has a place of articulation and distinctive features that can be distributed onto the adjacent fragment as well as sharing the place of articulation. The default low vowel [a] insertion process occurs when high vowels /i/ and /u/ precede liquids and velar nasal /ŋ/ in the final syllable to form a vowel sequences and thus distributes the glide features from high vowels. This interaction reflects the influences of segment onto adjacent segment by distributing its feature informing segment with similar identities.*

*Keywords:* *feature distribution, autosegmental, vowel sequences, glides*

## PENDAHULUAN

Dialek Melayu Sarawak (DMS) dituturkan oleh masyarakat Melayu di Sarawak. DMS mempunyai tiga variasi dialek utama, iaitu dialek Melayu Kuching (DMKch), dialek Melayu Rejang (DMRjg) dan dialek Melayu Saribas (DMSbs) (Chong Shin, 2009:61). DMKch merupakan dialek asas DMS dan memperlihatkan hubungan linguistik yang erat dengan DMRjg. Hal ini berbeza dengan DMSbs yang menunjukkan perkembangan tanpa pengaruh kuat daripada varian DMS yang lain akibat keterpisahan geografi serta faktor sejarah (Collins, 2000:4). Dengan perkataan lain, varian DMSbs menunjukkan identiti tersendiri kerana mengekalkan bentuk aslinya. Lantaran itu, DMSbs mempunyai perbezaan ketara berbanding dua subdialek dalam DMS. Selain itu, Collins (1987:73) dan Madzhi Johari (1988:2) turut membuat kajian dan penelitian khusus mengenai

ragam DMSbs yang dianggap dialek tersendiri dan harus dikaji secara berasingan. Collins (1989:240) juga pernah menyebut bahawa fonologi DMSbs belum dikaji secara mendalam. Hanya sedikit kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas khususnya tentang kepelbagaian bahasa Melayu yang dituturkan di sepanjang Sungai Batang Saribas, Sarawak, iaitu kawasan pertuturan utama DMSbs. Atas faktor perbezaan ketara DMSbs dengan DMKch dan DMRjg dan kurangnya kajian yang dilakukan terhadap DMSbs, maka makalah ini akan membicarakan khusus tentang proses pembentukan geluncuran dalam fonologi DMSbs.

Pembentukan geluncuran dalam kata fonologi DMSbs melibatkan proses penyebaran fitur. Proses penyebaran fitur merujuk suatu perubahan segmen apabila segmen mengambil sebahagian atau kesemua fitur distingtif penggalan bersebelahannya supaya menjadi segmen baharu, sama ada berkongsi fitur atau berubah menjadi segmen lain. Pembentukan geluncuran dalam fonologi DMSbs turut melibatkan penyebaran fitur pada titik artikulasi. Titik artikulasi memiliki gugusan fitur yang boleh tersebar semasa proses penyebaran fitur dan menyebabkan perubahan nilai pada sesuatu fitur distingtif (Halle, 1995:3). Proses penyebaran fitur ini membentuk geluncuran dalam urutan vokal DMSbs apabila konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ berada pada akhir kata.

## LATAR BELAKANG DIALEK MELAYU SARIBAS

DMSbs merupakan dialek Melayu umum yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Saribas di bahagian ke-11 dalam negeri Sarawak, iaitu bahagian Betong. Bahagian Betong terdiri daripada dua buah kawasan pentadbiran, iaitu daerah Betong dan daerah Saratok. Daerah Betong dan daerah Saratok terletak di sekitar Sungai Batang Saribas dan Sungai Krian. Kajian tentang proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran DMSbs ini hanya tertumpu di daerah Saratok sahaja. Daerah Saratok terletak di sekitar tengah Sungai Krian yang bertembung dengan muara Sungai Batang Saribas dan menganjur ke Laut China Selatan.

Jumlah penduduk daerah Saratok ialah seramai 46 094 orang dengan keluasan 1686.85 km<sup>2</sup> (Unit Perancang Negeri Sarawak, 2011:3). Berdasarkan banci penduduk tahun 2010, penduduk Melayu bukanlah golongan terbesar mendiami daerah Saratok, sebaliknya didominasi oleh etnik Iban. Dalam kajian ini, tumpuan hanya diberikan kepada penutur Melayu yang mendiami pekan Saratok yang merupakan pusat pentadbiran

bagi daerah Saratok. Populasi penduduk di pekan Saratok berjumlah 22 912 orang dengan majoritinya terdiri daripada kalangan etnik Iban dan diikuti etnik Melayu Saribas seramai 9058 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011:75). Pekan Saratok mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi berbanding dengan kawasan lain dalam daerah Saratok. Pekan Saratok ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai penutur DMSbs yang teramai dan terbesar di Sarawak. Terdapat empat buah kampung Melayu utama di pekan Saratok, iaitu Kampung Melango Lama, Kampung Melango Baru, Kampung Hulu (terdiri daripada Kampung Masjid dan Kampung Tanjung) dan Kampung Bunga Raya.


## KERANGKA TEORI AUTOSEGMENTAL

Teori autosegmental mula diperkenalkan oleh Goldsmith pada tahun 1976. Teori autosegmental merupakan salah satu daripada pendekatan dalam aliran fonologi generatif. Teori autosegmental dibina untuk memberikan pemahaman mendalam tentang fonologi dalam representasi linguistik berdasarkan perwakilan fonologi yang terdiri daripada serangkaian segmen yang dipetakan dengan garis penghubung di samping melihat cara alat artikulasi (bibir, lidah, laring, velar) diselaraskan (Goldsmith, 1976: 16 dan 29).

Representasi autosegmental juga menggambarkan interaksi antara garis penghubung dengan tingkat suku kata yang terdiri daripada dua atau lebih tingkat (Goldsmith, 1990:109). Garis penghubung dengan tingkat suku kata tidak dibenarkan bertindih kerana dianggap tidak gramatis sebagaimana kekangan konvensi WFC yang menegaskan garis penghubung yang memetakan antara satu segmen dengan segmen lain tidak boleh bersilang (Goldsmith, 1990:319).

Suku kata memainkan peranan penting dalam menentukan pelaksanaan sesuatu rumus fonologi. Dalam analisis autosegmental, suku kata dikatakan mempunyai representasi fonologi yang terdiri daripada tingkat suku kata, tingkat gatra dan tingkat melodi (Goldsmith, 1990: 115), seperti dalam Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan bahawa dalam fonologi autosegmental, representasi suku kata terdiri daripada tingkat suku kata yang menaungi onset, rima, nukleus dan koda, tingkat gatra dan tingkat melodi (Goldsmith, 1990:115). Setiap tingkat ini mempunyai segmen tersendiri. Segmen bagi tingkat suku kata ditandai oleh silabel ( $\sigma$ ). Tingkat gatra atau skeletal



**Rajah 1** Tingkat suku kata dalam teori autosegmental.

terdiri daripada segmen K (konsonan) dan V (vokal), manakala tingkat melodi terdiri daripada fonem konsonan dan vokal. Segmen pada setiap tingkat dihubungkan oleh garis penghubung menurut konvensi WFC.

Teori autosegmental dibina bertujuan untuk memberi bukti empirikal yang lebih tuntas kepada representasi suprasegmental. Penjelasan ini digambarkan oleh setiap peringkat garis penghubung yang terdiri daripada rentetan segmen. Walau bagaimanapun segmen pada setiap peringkat berbeza dan bergantung pada fitur yang diwakilinya, dan ini berbeza dengan fonologi tradisional yang bersifat segmental (Goldsmith, 1976:15).

Pewujudan representasi autosegmental dalam pendekatan fonologi autosegmental telah mencapai kemajuan dasar dalam representasi fonologi berbanding representasi segmental untuk melambangkan struktur fonetik yang lebih sempurna (Sagey, 1986:9). Dengan adanya representasi autosegmental, proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran DMSbs dapat digambarkan dan dijelaskan secara terperinci.

## PERNYATAAN MASALAH

Farid Onn (1980:51) mendakwa bahawa proses penyisipan geluncuran berlaku apabila dua vokal yang hadir secara bergugus dan vokal pertamanya terdiri daripada vokal tinggi. Dakwaan ini disebabkan geluncuran

berhomorganik dengan vokal tinggi, iaitu penyisipan geluncuran [y] dilakukan di antara rangkap vokal yang bermula dengan vokal tinggi depan /i/ dan penyisipan geluncuran [w] dilakukan sekiranya rangkap vokal bermula dengan vokal tinggi belakang /u/. Sebagai contoh, /tiup/ [tiyop] “tiup”, /dia/ [diyə] “dia” dan /buih/ [buweh] “buih”. Penyisipan geluncuran antara urutan vokal ini seolah-olah memisahkan bunyi vokal rangkap.

Sebaliknya, Tajul Aripin Kassin (2000:40) dan Teoh Boon Seong (1994:83) mengatakan bahawa penyisipan geluncuran dalam urutan vokal yang didahului oleh vokal tinggi sebenarnya merupakan proses penyebaran geluncuran dan bukannya penyisipan geluncuran. Tajul Aripin Kassin (2000) dan Teoh Boon Seong (1994) mengatakan demikian kerana vokal tinggi pada tingkat melodi, iaitu pada posisi nukleus boleh menyebarkan fitur geluncuran ke gatra K kosong yang menduduki posisi onset dalam struktur suku kata. Memandangkan onset mempunyai fitur [+ konsonantal], maka vokal tinggi yang menempati nodus onset dikenali sebagai geluncuran. Proses penyebaran fitur ini menjelaskan bahawa geluncuran tidak disisipkan sebaliknya mengalami pembentukan geluncuran melalui proses penyebaran geluncuran.

Selain bentuk /r/ yang diandaikan mempunyai alofon konsonan frikatif velar /y/, konsonan likuida /l/ juga dikatakan mempunyai ragam yang sama. Collins (1987:46) mengatakan bahawa konsonan likuida /l/ pada akhir kata muncul sebagai vokal [e] dalam DMSbs. Sebagai contoh, /akal/ [akae] “akal”, /botol/ [botoe] “botol” dan /kail/ [ka<sup>v</sup>ie] “kail”. Pandangan Collins (1987) dipersetujui oleh Chong Shin (2006: 91-92) yang mengatakan konsonan likuida /l/ pada posisi akhir kata wujud sebagai vokal [e], [ɛ], [a], [y] (hlm.91). Sebagai contoh, /bantal/ [bantae] “bantal”, /timbul/ [timbuy] “timbul”, dan /katil/ [kate:] “katil”.

Perbezaan pendapat mengenai proses penyebaran fitur pada konsonan likuida /l, r/ di akhir kata dalam DMSbs seperti yang dinyatakan oleh Chong Shin (2006, 2009) dan Collins (1987, 2000) menimbulkan kesukaran untuk membentuk satu justifikasi tentang proses penyebaran fitur pada kata yang diakhiri oleh konsonan likuida /l, r/ dalam DMSbs. Permasalahan ini menuntut penelitian yang lebih mendalam tentang proses fonologi yang berlaku supaya suatu penyelesaian dapat dijelaskan secara teoretis.

## GENERALISASI UMUM

Proses penyebaran fitur bagi proses pembentukan geluncuran dalam DMSbs berlaku dalam dua bentuk. Pertama, proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran berlaku pada urutan vokal apabila vokal pertamanya terdiri daripada vokal [+tinggi] dan kedua, proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran berlaku pada kata yang diakhiri oleh konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/.

Pembentukan geluncuran daripada proses penyebaran fitur vokal tinggi mengandaikan beberapa bahasa mempunyai hubungan antara vokal tinggi dan geluncuran, sama ada kedua-duanya berkaitan ataupun tidak (Davenport & Hannahs, 2005:34). Sebagai contoh, apabila vokal tinggi /i/ dan geluncuran [y] hadir sebagai fonem yang berasingan, struktur permukaan fonem tersebut ialah [i] dan [y]. Sebaliknya, /i/ dan /y/ boleh terdiri daripada alofonik sekiranya [y] merupakan terbitan daripada vokal tinggi /i/.


Pembentukan geluncuran juga boleh dibezaikan dengan vokal tinggi melalui fitur distingtif [+silabik] (Chomsky & Halle, 1968:354). Geluncuran mempunyai fitur [-silabik], manakala vokal tinggi mempunyai fitur [+silabik] yang mengandungi ciri kelantangan. Hal ini bermakna apabila vokal tinggi mempunyai fitur [+silabik], maka vokal ini kekal sebagai vokal tinggi.

Pembentukan geluncuran seperti yang ditakrifkan di atas menggambarkan geluncuran hadir daripada derivasi struktur dalaman vokal tinggi /i/ dan /u/. Hal ini bererti geluncuran tidak wujud dalam struktur dalaman. Sebaliknya, pembentukan geluncuran dalam DMSbs hanya berlaku pada struktur permukaan bagi kata dasar sahaja. Menurut Teoh Boon Seong (1995:75), pembentukan geluncuran terhasil daripada penyebaran fitur [+tinggi, abelakang] kepada gatra K kosong pada posisi onset. Oleh sebab onset ialah [+konsonantal], maka fonem yang memiliki fitur [+tinggi, abelakang] muncul sebagai geluncuran [y] atau [w]. Fenomena ini menjelaskan bahawa penyebaran fitur daripada vokal tinggi kepada gatra K kosong yang memiliki fitur [+konsonantal] dalam urutan vokal menyebabkan vokal tinggi yang menduduki posisi onset direalisasikan sebagai geluncuran (Tajul Aripin Kassin, 2000:40). Tambahan lagi, segmen yang dikuasai oleh V ditafsirkan sebagai puncak suku kata, manakala segmen yang dikuasai oleh K ditafsirkan sebagai bukan puncak suku kata (Clements, 1985:231).

## **PEMBENTUKAN GELUNCURAN DALAM URUTAN VOKAL**

Andaian Davenport dan Hannahs (2005) adalah seperti dakwaan Tajul Aripin Kassin (2000:40), yang menjelaskan bahawa perbezaan fonetik antara vokal tinggi /i/ dan /u/ dengan geluncuran [y] dan [w] adalah dari perspektif kedudukan fonem tersebut dalam struktur suku kata. Sekiranya vokal tinggi /i/ dan /u/ menduduki posisi onset, vokal tersebut dikenali sebagai geluncuran. Sebaliknya, sekiranya vokal tinggi /i/ dan /u/ menduduki posisi nukleus, vokal tersebut dikenali sebagai vokal tinggi. Untuk menjelaskan pembentukan geluncuran pada posisi onset dalam DMSbs, rumus pembentukan geluncuran dalam Rajah 2 menjelaskan tentang fenomena ini.

Rajah 2 menjelaskan pembentukan geluncuran dalam DMSbs berlaku apabila vokal [+tinggi] pada posisi nukleus tersebar kepada gatra K kosong yang dinaungi oleh onset secara ambisilabik. Dengan demikian, apabila vokal tinggi /i/ dan /u/ menduduki posisi onset, vokal tersebut membentuk geluncuran [y] dan [w]. Sebaliknya, apabila vokal tinggi /i/ dan /u/ menduduki posisi nukleus, vokal tersebut kekal sebagai vokal tinggi. Senarai kata yang mengalami proses pembentukan geluncuran pada urutan vokal dalam DMSbs adalah seperti dalam Jadual 1.



**Rajah 2:** Rumus pembentukan geluncuran.

Data dalam Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan kehadiran geluncuran di antara urutan vokal dalam DMSbs melalui proses pembentukan geluncuran. Untuk membuktikan wujudnya pembentukan geluncuran dalam urutan vokal DMSbs ini, proses penyebaran fitur pada urutan vokal DMSbs diperincikan dengan representasi autosegmental (Goldsmith, 1976, 1990) dalam Rajah 3.

**Jadual 1** Pembentukan geluncuran [w] dalam DMSbs.


Geluncuran	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD <sup>1</sup>	SP <sup>2</sup>	
[w]	kuap	kuap	kuwap	capuk
	kuat	kuat	kuwat	kuat
	kuit	kuit	kuwit	cungkil
	muat	muat	mūwāt	cukup
	puah	puah	puwah	rapuh
	puang	puaj	puwarj	kosong
	ruah	ruah	yuwah	ruah
	ruak	ruak	yuwa?	bazir
	sua	sua	suwa	halau
	suak	suak	suwa?	dorong, hulur

**Jadual 2** Pembentukan geluncuran [y] dalam DMSbs.


Geluncuran	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD <sup>1</sup>	SP <sup>2</sup>	
[y]	baik	biak	biya?	muda
	dian	dian	diyan	lilin
	diat	diat	diyat	lihat
	kiap	kiap	kiyap	berkipas
	liat	liat	liyat	liat
	liut	liut	liyut	kenyal
	pio	pio	piyo	begitu
	rio	rio	yiyo	dahulu
	siak	siak	siya?	panggilan manja
	sio	sio	siyo	situ

**Rajah 3** Proses pembentukan geluncuran dalam kata /puanŋ/ [puwaŋ] “kosong”


a. Struktur dalaman /puanŋ/




b. Proses penyebaran fitur daripada vokal tinggi /u/



c. Pembentukan geluncuran



d. Struktur permukaan



Representasi fonetik = [puwanŋ]

Rajah 3 menunjukkan bahawa vokal tinggi /u/ pada tingkat melodi, iaitu pada posisi nukleus menyebarkan fiturnya kepada gatra K kosong dan menyebabkan gatra K kosong yang menduduki posisi onset dalam

struktur suku kata turut mendapat vokal tinggi /u/ (Rajah 3b). Vokal tinggi /u/ yang menduduki posisi onset menurut rumus pembentukan geluncuran dikenali sebagai geluncuran [w] (Rajah 3c). Kesannya, struktur permukaan perkataan /puan/ ialah [puwan].

## PENYISIPAN VOKAL RENDAH [a] DAN PEMBENTUKAN GELUNCURAN

Pembentukan geluncuran dalam DMSbs juga berlaku sekiranya konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata diikuti oleh vokal tinggi /i/ dan /u/. Dalam DMSbs, urutan fonem vokal tinggi + likuida \*/il, ir, ul, ur/ dan vokal tinggi + konsonan nasal velar /ŋ/ \*/in, un/ tidak dibenarkan hadir di posisi akhir kata. Oleh hal yang demikian, untuk melanggar kekangan ini, vokal rendah [a] disisipkan di antara vokal tinggi dengan konsonan likuida dan konsonan nasal velar /ŋ/. Kesan daripada penyisipan vokal rendah [a] itu menyebabkan terbentuknya urutan vokal [ia] dan [ua] dengan vokal pertama dalam urutan vokal itu ialah vokal tinggi.

Dengan kehadiran urutan vokal ini, penyebaran fitur daripada vokal [+tinggi] berlaku pada ruang kosong (gatra K kosong) di antara vokal tinggi dengan vokal rendah [a]. Penyebaran fitur daripada vokal [+tinggi] berlaku kerana hanya vokal yang mempunyai fitur [+tinggi] sahaja dapat menyebarkan fitur kepada jirannya. Penyebaran fitur vokal [+tinggi] ini menyebabkan pembentukan geluncuran berlaku dalam DMSbs. Proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran DMSbs pada kata yang diakhiri oleh likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ adalah seperti dalam Jadual 3 dan 4.

Data dalam Jadual 3 dan 4 memperlihatkan geluncuran [w] dan [y] yang terhasil daripada proses pembentukan geluncuran mempunyai fitur [-tegang], iaitu bunyi geluncuran mengalami pelemahan. Fitur [-tegang] turut dimiliki oleh vokal rendah [a] yang mendahului geluncuran. Dalam pendekatan autosegmental, konsonan likuida /l, r/tidak dibenarkan hadir di akhir kata. Oleh sebab itu, dalam Jadual 3, konsonan likuida /l, r/ digugurkan selepas proses pembentukan geluncuran. Namun begitu, konsonan nasal velar /ŋ/ kekal di akhir kata (sila lihat Jadual 4).

Proses pembentukan geluncuran dari vokal tinggi yang mendahului konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata dalam DMSbs dapat digambarkan secara jelas dengan menggunakan representasi

NOOR AZUREEN HAMID @ AHMED DAN TAJUL ARIPIN KASSIN

autosegmental bagi kata /dulur/ [dulu<sup>wa</sup>] “sepuasnya” dan /gebijŋ/ [gebiŋ<sup>yəŋ</sup>] “jinjing” dalam Rajah 4 dan 5.

**Jadual 3** Geluncuran dalam kata yang diakhir konsonan lukuida /l,r/.

Konsonan Lukuida	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD	SP	
/l/	bedil	bədil	bədi <sup>yə</sup>	meriam
	hasil	hasil	asi <sup>yə</sup>	hasil
	kail	kail	kai <sup>yə</sup>	kail
	katil	katil	kati <sup>yə</sup>	katil
	kepil	kəpil	kəpi <sup>yə</sup>	kepil
	tahlil	tahlil	tahli <sup>yə</sup>	tahlil
	tampil	tampil	tampi <sup>yə</sup>	tampil
	wakil	wakil	waki <sup>yə</sup>	wakil
/r/	anggur	aŋgur	aŋgu <sup>wa</sup>	anggur
	cangkir	čaŋkir	čaŋki <sup>yə</sup>	cangkir
	dulur	dulur	dulu <sup>wa</sup>	sepuasnya
	gintir	gintir	ginti <sup>yə</sup>	satu-persatu
	guntur	guntur	guntu <sup>wa</sup>	guruh
	igir	igir	igi <sup>yə</sup>	kata bilangan
	jabir	jabir	jabı <sup>yə</sup>	bilik mandi
	jemur	jemur	žemū <sup>wā</sup>	jemur
	kabir	kabir	kabi <sup>yə</sup>	daya
	mujur	mujur	mūju <sup>wa</sup>	mujur
	rebur	rebur	yebu <sup>wa</sup>	longgar

**Jadual 4** Geluncuran dalam kata yang diakhir konsonan nasal /ŋ/.


Konsonan Lukuida	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD	SP	
/ŋ/	bengking	beŋkiŋ	benki <sup>yəŋ</sup>	degil
	benteng	benteŋ	benti <sup>yəŋ</sup>	benteng
	conteng	čonteŋ	čonti <sup>yəŋ</sup>	conteng
	gebing	gebeŋ	gebi <sup>yəŋ</sup>	jinjing
	geleng	geleŋ	geli <sup>yəŋ</sup>	geleng

## Samb. Jadual 4


Konsonan Lukuida	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD	SP	
	gonjeng	gonjeŋ	gonji <sup>yəŋ</sup>	sejenis ikan
	goreng	goŋeŋ	goŋi <sup>yəŋ</sup>	goreng
	ponteng	poneŋ	ponti <sup>yəŋ</sup>	ponteng
	teleng	telen	teliŋ <sup>yəŋ</sup>	teleng
	topeng	topeŋ	topi <sup>yəŋ</sup>	topeng
/t/	bingung	biŋun	biŋu <sup>wā</sup>	bingung
	burung	buруŋ	buŋu <sup>wāŋ</sup>	burung
	kedong	keđoŋ	keđu <sup>wāŋ</sup>	sementara
	kubung	kubuŋ	kubu <sup>wāŋ</sup>	kata bilangan
	lorong	loroŋ	loŋu <sup>wāŋ</sup>	bekas
	menung	mənuŋ	mənū <sup>wā</sup>	lorong
	patung	patuŋ	patu <sup>wāŋ</sup>	sedang
	sangkung	muŋur	mūŋu <sup>wā</sup>	mujur
	tepung	təpuŋ	təpu <sup>wāŋ</sup>	tepung

**Rajah 4** Proses pembentukan geluncuran [w] dalam kata /dulur/ [dulu<sup>wa</sup>] “sepantasnya”


## a. Struktur dalaman




b. Proses ambisilabik




c. Penyisipan vokal rendah [a] secara *default*




d. Proses penyebaran fitur vokal [+tinggi]




e. Pembentukan geluncuran



f. Pengguguran /r/ pada posisi koda



g. Struktur permukaan



Representasi fonetik = [dulu<sup>wa</sup>]


Berdasarkan Rajah 4, konsonan likuida /r/ terpaksa mengalami proses ambisilabik ke posisi koda (suku kata tambahan), iaitu pada gatra K kosong (Rajah 4b). Rumus *default* dilaksanakan dengan menyisipkan vokal rendah [a] pada posisi nukleus seperti dalam Rajah (4c). Gatra K pada nodus onset adalah kosong memaksa urutan vokal V.V (/ua/) menjadi V.KV. Dengan demikian, vokal [+tinggi] /u/ menyebarkan fiturnya kepada gatra K kosong pada posisi onset (Rajah 4d).

Penyebaran fitur vokal tinggi /u/ menyebabkan berlakunya geminasi vokal tinggi \*[uu]. Atas faktor vokal tinggi /u/ kedua menduduki posisi onset, maka vokal tinggi /u/ tersebut dikenali sebagai geluncuran [w] (Rajah 4e). Proses seterusnya melibatkan pengguguran konsonan likuida /r/ pada posisi koda kerana koda tidak boleh menaungi konsonan likuida dalam DMSbs (Rajah 4f). Geluncuran [w] dan vokal [a] seterusnya mengalami pelemahan kerana memiliki fitur [–tegang]. Kesan daripada proses perlemahan itu, kata /dulur/ menjadi [dulu<sup>wa</sup>].


Sementara itu, proses pembentukan geluncuran pada kata yang diakhiri dengan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata yang mengikuti vokal tinggi dalam DMSbs seperti dalam perkataan /gebiŋ/ [gebi<sup>y</sup>aŋ] “jinjing” dapat dijelaskan secara autosegmental dalam representasi Rajah 5.

**Rajah 5** Proses pembentukan geluncuran [y] dalam kata /gebiŋ/ [gebi<sup>y</sup>aŋ] “jinjing”


a. Struktur dalaman




b. Proses ambisilabik




c. Proses penyisipan vokal [a] secara *default*




d. Proses penyebaran fitur vokal [+tinggi]



e. Pembentukan geluncuran



f. Struktur permukaan




Representasi fonetik = [gebi<sup>y</sup>aŋ]

Berdasarkan Rajah 5, konsonan nasal velar /ŋ/ terpaksa mengalami proses ambisilabik ke posisi koda (suku kata tambahan), iaitu pada gatra K kosong (Rajah 5b). Setelah itu, proses penyisipan vokal [a] secara *default* berlaku di antara vokal tinggi /i/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ (Rajah 5c). Proses penyisipan vokal [a] secara *default* ini membentuk urutan vokal [ia] yang didahului oleh vokal tinggi /i/. Selepas proses penyisipan vokal [a], proses penyebaran fitur geluncuran berlaku memandangkan gatra K pada onset adalah kosong (Rajah 5d).

Proses penyebaran fitur hanya berlaku pada gatra K kosong sekiranya segmen vokal itu vokal [+tinggi], iaitu vokal /i/ atau /u/. Oleh hal yang demikian, vokal tinggi /i/ yang berada pada posisi nukleus menyebarkan fiturnya ke posisi onset dan menyebabkan onset turut memiliki vokal tinggi /i/ (Rajah 5e). Vokal tinggi /i/ yang bernaung pada posisi onset

dikenali sebagai geluncuran [y]. Akhir sekali, fonem [y] dan [a] mengalami pelemahan kerana memiliki fitur [–tegang]. Oleh sebab itu, /gebiŋ/ menjadi [gebi<sup>yə</sup>ŋ].

Namun begitu, vokal /e/ dan /o/ yang mengikuti konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata dalam DMSbs memiliki fitur [–tinggi] mengalami perubahan fonem pada vokal tinggi [i] dan [u] kerana menerima fitur [+tinggi] daripada konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata secara regresif. Proses penyebaran fitur [+tinggi] daripada konsonan nasal velar /ŋ/ secara regresif kepada vokal [–tinggi] /e/ dan /o/ dapat dirumuskan seperti rumus penyebaran fitur [+tinggi] dalam Rajah 6.



**Rajah 6** Rumus penyebaran fitur [+tinggi] daripada konsonan velar  $\eta$ .

Rumus penyebaran fitur [+tinggi] dalam Rajah 6 menjelaskan bahawa konsonan nasal velar /ŋ/ yang memiliki fitur [+tinggi] menyebarkan fiturnya kepada vokal [–tinggi] di sebelah kirinya secara regresif. Penyebaran fitur [+tinggi] menyebabkan vokal [–tinggi] turut memiliki fitur [+tinggi]. Oleh hal yang demikian, vokal [–tinggi] yang mendahului konsonan nasal velar /ŋ/ dalam lingkungan suku kata akhir dalam DMSbs akan menjadi vokal [+tinggi]. Dengan erti kata lain, vokal /e/ dan /o/ merupakan varian vokal [–tinggi] yang bervariasi dengan vokal [+tinggi] /i/ dan /u/ (Halle, 1995: 27). Dalam konteks ini, vokal /a/ tidak terlibat kerana vokal /a/ memiliki fitur [+rendah]. Oleh sebab itu, vokal /e/ dan /o/ yang mengikuti konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata dalam DMSbs akan berubah menjadi vokal tinggi [i] dan [u] terlebih dahulu sebelum berlakunya proses pembentukan geluncuran.

Seperti yang telah dimaklumkan bahawa pembentukan geluncuran dalam DMSbs berlaku apabila vokal tinggi mendahului konsonan likuid dan nasal velar /ŋ/ di akhir kata. Hal ini bermakna pembentukan geluncuran

tidak berlaku apabila vokal [+rendah] mengikuti konsonan likuida dan konsonan nasal velar /ŋ/ pada posisi koda dalam DMSbs. Oleh itu, vokal [+rendah] /a/ yang didahului konsonan likuida dan konsonan nasal velar /ŋ/ tidak mencetuskan pembentukan geluncuran.

Sejajar dengan pendekatan autosegmental, apabila vokal rendah mendahului konsonan likuida /l/ di akhir kata dalam DMSb, konsonan likuida /l/ mengalami perubahan menjadi geluncuran [y]. Di sebalik pembentukan geluncuran dalam kata yang mengandungi konsonan likuida /l/ di akhir kata dalam DMSbs, kajian ini juga mendapati vokal [+rendah] /a/ dan vokal [-tinggi] /o/ yang mengikuti konsonan likuida /l/ di akhir kata menghasilkan bentuk diftong, iaitu diftong [ay] dan [oy]. Diftong [ay] dan [oy] ini terbentuk melalui proses pendiftongan, iaitu setelah likuida /l/ berubah menjadi geluncuran [y] di akhir kata. Menurut Zaharani Ahmad (2011), kehadiran geluncuran [y] pada posisi koda, sekiranya mendahului vokal dikenali sebagai diftong. Namun begitu, terdapat juga diftong yang terbentuk secara dalaman lagi dalam DMSbs, iaitu diftong [oy] seperti dalam perkataan /paloi/ [paloy] “bodoh”, /kosoi/ [kosoy] “sejenis kuih”, /losoi/ [losoy] “kalah judi” dan /kaloi/ [kaloy] “sejenis ikan”. Dapatkan ini sangat menarik kerana setelah sekian lama, penemuan baharu ini memperlihatkan DMSbs sebenarnya memiliki dua diftong, iaitu [oy] dan [ay], dan bukan hanya diftong [oy] sahaja seperti yang didakwa oleh Asmah Haji Omar (1988:179), Collins(1987:20) dan Madzhi Johari (1988:34).

**Jadual 5** Pembentukan diftong dalam kata yang diakhiri likuida dalam DMSbs.

Geluncuran	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD	SP	
[l]	awal	awal	away	awal
	bantal	bantal	bantay	bantal
	betul	bətol	bətoy	betul
	botol	botol	botoy	botol
	kapal	kapal	kapay	kapal
	sambal	sambal	sambay	sambal
	singkol	siŋkol	siŋkoy	canggung
	tebal	təbal	tabay	tebal
	tukul	tukol	tukoy	tukul
	tunggal	tunjal	tungay	sepupu

Jadual 5 menunjukkan contoh kata yang dihadiri oleh vokal [–tinggi] /o/ dan [+rendah] /a/ yang mendahului konsonan likuida /l/ di akhir kata dalam DMSbs.

Berdasarkan representasi autosegmental (Goldsmith, 1976, 1990), proses pendiftongan dalam DMSbs dapat digambarkan dalam Rajah 7.

Rajah 7 memperlihatkan konsonan likuida /l/ yang menduduki posisi koda mengalami perubahan menjadi geluncuran [y] yang memiliki fitur [+sonoran, –belakang] (Rajah 7b). Perubahan likuida /l/ ini berlaku ekoran daripada likuida /l/ tidak dibenarkan hadir pada posisi akhir kata dalam DMSbs. Kesan daripada perubahan itu, urutan /ay/ dan /oy/ dikenali sebagai diftong (Rajah 7c). Oleh itu, kesan daripada proses perubahan likuida /l/ kepada geluncuran [y] di akhir kata dalam DMSbs ini, mencetuskan proses pendiftongan.


Konsonan likuida /r/ yang mendahului vokal [+rendah] /a/ pada posisi akhir kata dalam DMSbs digugurkan kerana konsonan likuida /r/<sup>3</sup> tidak dibenarkan muncul pada akhir kata akibat kekangan koda dalam DMSbs. Oleh hal yang demikian, konsonan likuida /r/ pada posisi koda digugurkan kerana semua suku kata dalam bahasa di dunia mempunyai pilihan sama ada untuk mengandungi koda atau tidak (Bane & Riggle, 2010:10).

**Jadual 6** Pengguguran likuida /r/ pada akhir kata dalam DMSbs.


Geluncuran	Sistem Ejaan	DMSbs		Maksud
		SD	SP	
[r]	benar	bənar	bənā	benar
	besar	bəsar	bəsa	besar
	hingar	hijar	injā	bising
	idar	idar	ida	giliran
	kelakar	kəlakar	kəlaka	bercakap
	kelebar	kəlebar	kəleba	rama-rama
	pasar	pasar	pasa	pekan
	sedar	sədar	səda	sedar
	tawar	tawar	tawa	tawar
	tegar	təgar	təga	karat

**Rajah 7** Proses pendiftongan dalam kata /bantal/ [bantai] “bantal”.


a. Struktur dalaman



b. Pembentukan geluncuran likuida /l/ → [y]



c. Struktur Permukaan



Representasi fonetik = [bantay]

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang diperincikan, proses penyebaran fitur dalam pembentukan geluncuran DMSbs terhasil setelah berlakunya proses penyisipan vokal rendah [a] di antara vokal tinggi dengan konsonan likuida /l, r/ dan konsonan nasal velar /ŋ/ di akhir kata yang menghasilkan urutan vokal [ia] dan [ua]. Proses penyisipan vokal rendah [a] secara *default* bersifat *ad hoc* kerana proses penyisipan vokal sememangnya wujud dalam bahasa dan pelaksanaannya adalah tanpa kos (*cost free*) dalam tatabahasa sesuatu bahasa. Penyisipan vokal rendah [a] dalam fonologi DMSbs tidak bersifat sewenang namun diwujudkan untuk memenuhi prinsip suku kata atau prinsip teori autosegmental supaya pembentukan struktur permukaan kata dalam DMSbs dapat dijelaskan.

Proses penyebaran geluncuran pada urutan vokal dalam DMSbs menghasilkan pembentukan geluncuran dengan menerbitkan geluncuran [w] dan [y]. Pembentukan geluncuran hanya akan berlaku apabila urutan vokal didahului oleh vokal tinggi /i/ dan /u/. Dengan yang demikian, kehadiran geluncuran dalam urutan vokal khususnya daripada bentuk VV menjadi V.KV bukanlah terbentuk melalui penyisipan geluncuran [w] dan [y] secara *default* seperti mana yang dicadangkan dalam pendekatan linear (atur rumus). Sebaliknya, geluncuran [w] dan [y] muncul sebagai akibat daripada proses penyebaran fitur [+tinggi] yang dimiliki oleh vokal tinggi /i/ dan /u/ kepada gatra K kosong di posisi onset.

Secara keseluruhannya, vokal tinggi /i/ dan /u/ mempunyai dua bentuk realisasi, iaitu bergantung pada posisi nodus yang dinaungi dalam struktur suku kata, sama ada sebagai vokal tinggi atau geluncuran. Sekiranya vokal tinggi menduduki nodus onset dan nodus koda vokal tinggi itu mempunyai fitur [+konsonantal]. Oleh hal yang demikian, vokal tinggi yang terletak pada posisi onset dan koda dikenali sebagai geluncuran.

## NOTA

1. SD merujuk struktur dalaman. SD ialah bentuk representasi fonemik, iaitu bentuk bunyi abstrak yang diandaikan (Chomsky & Halle, 1968:13).
2. SP merujuk kepada struktur permukaan. SP ialah bentuk representasi fonetik, iaitu bentuk bunyi bahasa yang disebut atau bunyi sebenar bahasa yang dituturkan oleh manusia (Chomsky & Halle, 1968:9).
3. Proses pengguguran /r/ di akhir kata dalam DMSbs ini tidak akan huraikan dengan lebih

## NOOR AZUREEN HAMID @ AHMED DAN TAJUL ARIPIN KASSIN

lanjut kerana proses ini tidak ada kaitan dengan penyebaran fitur dan makalah ini hanya menumpukan tentang proses pembentukan geluncuran melalui penyebaran fitur.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bane, M., & Riggle, J., 2010. “The Typological Consequences of Weighted Constraints” dlm. Proceedings of CLS, 45, 1-20.
- Chomsky, N., & Halle, M., 1968. *The Sound Pattern of English*. NY: Harper & Row.
- Chong Shin, “Bahasa Iban dan dialek Melayu di Saribas, Sarawak” dlm. *The Sarawak Museum Journal LXII(83 New Series)*, 85-106, 2006..
- Chong Shin, “Dialek-dialek Melayu di Lembah Baram” dlm. *International Journal of the Malay World and Civilization* 27:2, 59-71, 2009.
- Clements, G. N., 1985. “The Geometry of Phonological Features” dlm. *Phonology Year Book* 2, 225-52.
- Collins, J.T., 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., “Malay Dialect Research in Malaysia: The Issue of Perspective” dlm. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 145:2, 235-64, 1989.
- Collins, J.T., “Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44:1, 2-17, 2000.
- Davenport, M., & Hannahs, S.J., 2005. *Introducing Phonetics and Phonology*. (Second Edition). NY: Hodder Arnold.
- Farid Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Goldsmith, J.A., 1976. “*Autosegmental Phonology*”. Disertasi PhD. Massachusetts Institute of Technology.
- Goldsmith, J. A., 1990. *Autosegmental & Metrical Phonology*. Oxford, UK: Basil Blackwell.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011. *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia: Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Madzhi Johari, 1988. *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sagey, E. C., 1986. “*The Representation of Features and Relations in Non-Linear Phonology*”. Disertasi Ph.D. Massachusetts Institute of Technology.
- Tajul Aripin Kassin, 2000. “*The Phonological Word in Standard Malay*”. Disertasi Ph.D. University of Newcastle, Newcastle.
- Teoh, Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur:

JURNAL BAHASA

- Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Unit Perancang Negeri Sarawak, 2011. *Sarawak Facts and Figure*. Kuching,  
Sarawak: Jabatan Ketua Menteri.  
Zaharani Ahmad, “Fonologi Rangkap Vokal dan Kepelbagaiannya Dialek Melayu:  
Analisis Teori Optimaliti” dlm. *GEMA Online™ Journal of Language  
Studies* 11:3, 5-30, 2011.